

<p>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk Muamalat Sewa Beli-i (MHP-i). Pastikan juga anda telah membaca terma dan syarat am produk ini.</p>	<p>BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD</p> <p>MUAMALAT SEWA BELI-i (MHP-i)</p> <p>TARIKH:</p>				
<p>1. Apakah yang perlu saya tahu mengenai produk ini?</p>					
<p>Kemudahan pembiayaan untuk membeli barangan konsumer yang disenaraikan di bawah Akta Sewa Beli 1967 berlandaskan kepada prinsip Syariah.</p>					
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk produk ini?</p>					
<p>Konsep Syariah yang diguna pakai ialah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) yang melibatkan kontrak Ijarah (kontrak sewaan) dan kontrak Bai' (kontrak jual beli).</p> <p>Ijarah ialah kontrak sewaan yang mana pemilikan manfaat aset dipindahkan kepada pihak lain dalam tempoh dan bayaran yang ditentukan.</p> <p>AITAB ialah kontrak sewaan yang mana penyewa bertujuan memiliki aset yang disewa dan pemilikan aset yang disewa dipindahkan daripada pemberi sewa kepada penyewa melalui kontrak jual beli pada akhir tempoh sewaan.</p>					
<p>3. Apakah yang akan saya terima melalui produk ini?</p>					
<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Pembiayaan : RM _____ • Margin Pembiayaan : _____% • Tempoh : _____ • Kadar Pembiayaan : _____% • Kadar Keuntungan Effektif : _____% 					
<p>4. Apakah tanggungjawab saya?</p>					
<ul style="list-style-type: none"> • Cara Pembayaran (termasuk sewa bulanan): RM _____ • Harga Jualan (Jumlah bayaran bulan terakhir pembiayaan atau jumlah bayaran sebelum tarikh matang) : RM _____ • Jumlah bayaran termasuk margin keuntungan sebanyak: RM _____ 					
<p>5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?</p>					
<p>Duti Setem berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).</p>					
<p>6. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?</p>					
<ul style="list-style-type: none"> • Caj ganti rugi (Ta'widh): <table border="1" data-bbox="289 1528 1166 1654"> <tr> <td>Ketika tempoh pembiayaan</td> <td>Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.</td> </tr> <tr> <td>Selepas tamat tempoh pembiayaan</td> <td>Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.</td> </tr> </table> • Hak untuk tolak selesai : Kami berhak untuk menolak selesai baki sebelum jelas dalam akaun pembiayaan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda bersama kami. 		Ketika tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.	Selepas tamat tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.
Ketika tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.				
Selepas tamat tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.				
<p>7. Bagaimana jika saya menyelesaikan seluruh pembiayaan ini sebelum tempoh matang?</p>					
<p>Rebat akan diberikan dan pengiraanya adalah seperti berikut:</p>					

$$\text{Rebat} = \frac{n(n+1)}{T(T+1)} \times \text{TC}$$

Di mana : n = Jumlah baki bulan.

T = Jumlah keseluruhan bulanan di dalam perjanjian.

TC = Caj Tempoh (Caj Keuntungan) bagi Jumlah Keseluruhan Pendapatan di dalam perjanjian.

8. Apakah risiko-risiko utama yang terlibat?

Sekiranya anda bermasalah untuk memenuhi obligasi pembiayaan anda, sila hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan tentang alternatif bayaran pembiayaan.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Bergantung pada keperluan Bank dan juga keupayaan kredit pelanggan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Untuk memastikan sebarang surat-menyurat diterima tepat pada masanya, sila hubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat.

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang www.muamalat.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

12. Lain-lain pakej pembiayaan kenderaan yang disediakan:

Pembiayaan Kenderaan Muamalat (BBA)-i.

NOTA PENTING:

KENDERAAN MUNGKIN AKAN DITARIK BALIK SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMATUHI JADUAL PEMBAYARAN.